

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN  
[ RASAH ]**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 200**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai semua laluan untuk program SBST MyBas Seremban pada ketika ini dan apakah ada perancangan untuk menambah laluan ke lokasi lain pada tahun 2020, jika ada, mohon senaraikan laluan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak ke destinasi yang dituju. Oleh itu, kajian laluan sentiasa dibuat bagi penambaan perkhidmatan SBST kepada rakyat dan mengoptimumkan pembiayaan yang dikeluarkan. Buat masa ini, SBST Seremban mempunyai 21 laluan iaitu:

- i. T10A Terminal 1 - Bahau melalui Juaseh;
- ii. T10B Terminal 1 - Bahau melalui Batu Kikir
- iii. T30A Terminal 1 - Port Dickson melalui Springhill;
- iv. T30B Terminal 1 - Port Dickson melalui Spg Siliau;
- v. T31 Terminal 1 - Pekan Linggi - Pengkalan Kempas;
- vi. T32 Terminal Port Dickson – Polymall Port Dickson;
- vii. T50 Terminal 1 - Nilai Sentral;
- viii. T51 Nilai Sentral - Nilai 3;
- ix. T52 Terminal 1 - Nilai melalui Labu;
- x. T53 Terminal 1 - Port Dickson melalui Rantau;
- xi. T54 Terminal 1 - Seremban2;
- xii. T55 Nilai Sentral – Politeknik Nilai;
- xiii. T56 Terminal 1 - Politeknik Nilai;
- xiv. T57 Nilai Sentral - KLIA 1 - KLIA 2;
- xv. T60A Terminal 1 - Tampin melalui Senawang;
- xvi. T60B Terminal 1 - Tampin melalui Seremban Jaya;
- xvii. T70 Terminal 1 - MRSM Kuala Klawang - Rumah Rakyat Titi;
- xviii. F300 Bandar Port Dickson;
- xix. F505 Terminal 1 Seremban - Taman Bukit Mutiara;
- xx. F508 Terminal 1 Seremban - Taman Desa Rhu; dan
- xxi. F513 Terminal Nilai Sentral – USIM.

2. Akan datang dua (2) laluan baru akan diperkenalkan pada awal tahun 2020 iaitu:

- i. Polymall Port Dickson – Tanjung Agas; dan

- ii. Polymall Port Dickson – Pengkalan Kempas.

Sekian, terima kasih.